

Penuntut UPM ditahan sertai lumba haram

SEREMBAN: Seorang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah antara empat yang ditahan polis kerana dipercayai menyertai perlumbaan haram, di sini, malam kelmarin.

Pelajar berusia 22 itu ditahan apabila Proton Wira Aeroback yang dipandunya merempuh kedai menjual kereta dalam kejadian kira-kira 2.30 pagi di Jalan Yam Tuan, di sini.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Abdul Khalid Abu Hassan, berkata pelajar berkenaan bagaimanapun mendakwa tidak menyertai perlumbaan haram itu.

"Dia mendakwa keretanya dihimpit kereta lain lalu tidak mampu mengawalinya sekali gus merempuh kedai menjual kereta di sebelah kiri jalan berkenaan," katanya ketika ditemui di pejabatnya, semalam.

Menurut Khalid, rempuhan kereta yang dipandu pelajar itu menyebabkan jeriji besi dan sebuah kereta yang diletakkan di ruang pameran kedai berkenaan mengalami kerosakan.

"Bagaimanapun, pelajar terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan dan kes ini disiasat mengikut Seksyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Sementara itu, Khalid berkata, dalam operasi lain pihaknya menahan tiga belia yang sedang berlumba di depan Pasar raya Giant di Persiaran Senawang, kira-kira jam 1.30 pagi hari yang sama.

Ketiga-tiga mereka yang berusia di antara 20 hingga 23 tahun, masing-masing memandu kereta Proton Putra, Wira dan Iswara.

"Kereta Iswara yang dipandu salah seorang daripada mereka merempuh trailer yang diletakkan di tepi jalan. Namun, pemandu berkenaan tidak mengalami sebarang kecederaan. Kita menahan ketiga-tiga mereka untuk membantu siasatan," katanya.